

17 MAY 1998

Samy-Air

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS AIR NEGARA BULAN DEPAN

IPOH, 17 Mei (Bernama) -- Majlis Air Negara (MAN) dijangka mengadakan mesyuarat pertamanya bulan depan, Kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Menurut beliau, tarikh sebenar mesyuarat itu akan ditetapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku pengerusi MAN.

Antara agenda yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu kelak membabitkan kerjasama bekalan air antara negeri-negeri bagi membolehkan kerajaan pusat menggubal sistem retikulasi air bagi membantu negeri-negeri yang menghadapi krisis bekalan air, katanya.

Samy yang ditemui selepas menyampaikan saham Koperasi Didik Bhd di sini hari ini berkata, mesyuarat itu juga dijangka membincangkan mengenai peranan kerajaan-kerajaan negeri dalam mengenal pasti punca air di negeri masing-masing.

Jemaah Menteri meluluskan penubuhan MAN pada 29 April lepas bagi menyelaraskan sumber bekalan air di seluruh negara berikutan masalah bekalan air yang dihadapi oleh beberapa negeri terutama Selangor.

Samy juga berkata, padangan serta keputusan yang dicapai berkaitan masalah bekalan air dalam mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri tidak lama lagi juga akan dikemukakan pada mesyuarat MAN kelak.

Mengenai Koperasi Didik, Samy berkata, Koperasi yang ditubuhkan oleh parti itu tiga bulan lepas berjaya mengumpul lebih RM2.5 juta setakat ini.

Samy menjangkakan Koperasi Didik akan menarik lebih 100,000 ahli menjelang akhir tahun ini dengan jumlah saham bernilai RM100 juta.

-- BERNAMA

LAT PR